



Ibrahim (empat dari kiri) bersama Jaujan (tiga dari kanan) dan Badli Hisham Adam (dua dari kanan) beramah mesra bersama pelatih pada majlis penyerahan kumpulan pelatih selatan Thailand di Menara MARA, Kuala Lumpur, semalam. [FOTO ASYRAF HAMZAH/BH]

Belia selatan Thailand ikuti latihan GiatMara

Kuala Lumpur: Seramai 24 belia dari selatan Thailand, dipilih menjalani latihan kemahiran kendalian GiatMara di negara ini, selama sembilan bulan mulai semalam.

Mereka dipilih menerusi Program Kemahiran Teknikal Malaysia (MTCP) yang dianjurkan buat kali kedua, selepas kumpulan pertama dilatih pada tahun 2013.

Ketua Pengarah MARA, Datuk Ibrahim Ahmad, berkata pelatih berkenaan akan mengikuti kursus sepenuh masa selama enam bulan menerusi beberapa cawangan GiatMara di seluruh negara.

Latihan industri tiga bulan

“Selain itu, mereka juga bakal menjalani latihan industri selama tiga bulan dalam bidang berkaitan sebelum menamatkan pengajian dan menerima sijil kemahiran.

“Kursus diikuti mereka termasuk fesyen dan jahitan, pembuatan kek dan manisan, teknologi kimpalan dan fabrikasi logam; teknologi automotif; penjagaan dan penataan rambut serta reka bentuk grafik dan pengiklanan,” katanya selepas penyerahan kumpulan pelatih terbabit di Menara MARA, di sini, semalam.

Yang turut hadir, wakil Ke-

dutaan Diraja Thailand, Piya-pak Sricharoen; Pengerusi GiatMara Malaysia, Datuk Dr Jaujan Sambakong; dan Pengarah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) Kementerian Luar Negeri, Badli Sham Adam.

Tingkat hubungan baik

MTCP adalah inisiatif kerajaan meningkatkan hubungan baik di antara Malaysia dan Thailand dalam bidang pendidikan menerusi peranan yang dimainkan MARA.

Ibrahim berkata, GiatMara bercadang menganjurkan program kerjasama memba-

bitkan usahawan Malaysia dan Thailand, menerusi pemadanan perniagaan tahun ini.

Katanya, hubungan baik di antara Malaysia dan Thailand sejak dahulu lagi mendorong pihaknya mengemukakan hasrat itu sekali gus meningkatkan kerjasama sedia ada.

“Ia masih dalam peringkat perancangan. Namun kita jangka tahun ini dapat mengadakan kerjasama dalam bidang keusahawanan dengan Thailand menerusi pemadanan perniagaan. Kerjasama itu mungkin membabitkan perkongsian atau usaha sama perniagaan,” katanya.

FIFA beri lampu hijau untuk penganjan ASL

PUTRAJAYA - Setelah hampir setahun empat bulan menunggu, Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) akhirnya memberi lampu hijau kepada cadangan Konfederasi Bola Sepak ASEAN (AFF) untuk mengadakan Liga Super ASEAN (ASL).

Garis panduan berhubung penganjanan kejohanan tersebut juga telah dikeluarkan oleh pentadbir bola sepak dunia itu.

Setiausaha Agung Persekutuan Bola Sepak ASEAN (AFF), Datuk Azzuddin Ahmad berkata, sebanyak 75 peratus daripada persatuan bola sepak negara anggota bersetuju untuk menyertai liga serantau itu dengan kemungkinan menghantar sekurang-kurangnya satu pasukan.

"Kami maklumkan bahawa pertandingan itu adalah untuk

pembangunan bola sepak di rantau ASEAN kerana kita agak ketinggalan. FIFA seperti telah membuka mata kepada cadangan kita sejak September 2013.

"Difahamkan pihak FIFA pun telah menyediakan garis panduan dan mengedarkannya kepada Konfederasi Bola Sepak Asia (AFC) untuk dijadikan panduan penganjanan liga serantau," katanya ketika ditemui semasa majlis pecah tanah bagi pembinaan ibu pejabat AFF di Presint 5, di sini semalam. **6 FEBRUARI 2015**

Cadangan Liga ASL itu sebelum ini pernah diputuskan dalam Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN (AMM) ke-44 di Bali, Indonesia pada 2011, bagaimanapun dikatakan gagal mendapat sambutan daripada 10 anggota gabungan ASEAN. **PUTUSAN MALAYSIA (M/S ...)**

Jika kejohanan tersebut diluluskan, maka bola sepak Asia Tenggara bakal dirancahkan dengan kejohanan ASL selain Piala AFF.

Dalam masa sama, Azzuddin berkata, jawatankuasa *ad-hoc* dan Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah selaku penasihat akan mengadakan perjumpaan bagi meneliti dokumen dan garis panduan berhubung penganjanan liga tersebut.

"Berdasarkan perbincangan awal, cadangan penyertaan minimum sebanyak lapan pasukan namun perkara itu akan dibincangkan selepas persetujuan dicapai.

"Saya rasa lebih daripada lapan, apabila tiba masanya. Setelah kita menghantar perjanjian dan sebagainya, baru dapat tahu berapa pasukan yang akan mengambil bahagian," katanya.

Skwad B-22 kita melangkah ke final

BERITA HARIAN (M/S 59)

6 FEBRUARI 2015



Kuala Lumpur: Skwad B-22 negara kendalian Razip Ismail layak ke final Piala Emas Bangabandhu 2015, Ahad ini selepas menewaskan skuad B-22 Singapura 1-0 pada aksi separuh akhir di Sylhet, Bangladesh, malam tadi.

Lebih menarik, skuad Harimau Muda A mengekalkan rekod 100 peratus kemenangan selepas turut menang dua perlawanan terdahulu menewaskan tuan rumah, Bangladesh 1-0 dan Sri Lanka 2-0 untuk muncul juara Kumpulan A.

Tidak putus asa

Gawang skuad muda negara itu yang dikawal Farhan Abu Bakar turut kebal tanpa dibolosi selepas 270 minit permainan, sekali gus tonik terbaik untuk dibawa ke aksi final bertemu pemenang satu lagi aksi separuh akhir antara Bangladesh dan skuad B-22 Thailand

yang bakal berlangsung malam ini.

Pada aksi malam tadi, Harimau Muda A diketuai kapten, Nazirul Naim Che Hashim beraksi baik pada babak pertama tetapi gagal menjelmakan sebarang jaringan untuk kedudukan terikat 0-0.

Namun kata-kata semangat Razip di bilik persalinan pada waktu rehat seakan memberi semangat baharu buat barisan muda negara yang akhirnya berjaya memecah kebuntuan menerusi ledakan pemain berusia 19 tahun, S Kumaahran untuk gol terhasil pada minit ke-49.

Singapura tidak berputus asa untuk mencari gol penyamaan tetapi dua percubaan mereka pada minit ke-80 dan 81 sekadar menggegar palang.

Final Ahad ini bakal berlangsung di Stadium Nasional Bangabandhu di Dhaka.



Kumaahran **jaring gol tunggal** menewaskan Singapura 1-0.

ASL pasti jadi realiti

Oleh Aziman Rosdi 6 FEBRUARI 2015
 aziman@metro.com.my
 METRO ALAB (M/S) 83

Putrajaya — Dari K'Azuddin Ahmad (*gambar*) tetap yakin penganjuran Liga Super ASEAN (ASL) mampu dilaksanakan tahun depan meskipun ada negara anggota rantau ini seperti bermain 'tarik tali' untuk mengambil bahagian.

Setiausaha Agung Persekutuan Bolasepak ASEAN (AFF) itu berkata, peluang kejohanan berkenaan menjadi realiti semakin cerah selepas Persekutuan Bolasepak Antarabangsa (FIFA) mengeluarkan garis panduan bagi menganjurkan temasya liga serantau itu.

"Sebelum ini FIFA ada menolak permohonan Eropah Timur untuk menganjurkan kejohanan liga di rantau itu. Tapi kami sudah mengadakan pertemuan dengan FIFA dan mereka menerima permohonan AFF demi membangunkan bola sepak rantau ASEAN yang agak ketinggalan.

"FIFA sudah mengeluarkan garis panduan penganjuran itu dan mengedarkannya kepada AFC (Konfederasi Bolasepak Asia) untuk dijadikan panduan bagi menganjurkan ASL," katanya selepas majlis pecah tanah ibu pejabat AFF di Presint 5, Putrajaya semalam.

Cadangan Liga ASL itu diputuskan pada Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN (AMM) ke-44 di Bali, Indonesia pada 2011 bagaimanapun usul itu dikatakan tidak mendapat sambutan daripada 10 anggota gabungan.

Namun Azzuddin mengesahkan 75 peratus persatuan bola sepak negara anggota sudah menyatakan persetujuan menyertai ASL dengan kemungkinan menghantar sekurang-kurangnya satu pasukan.

"Mengikut perancangan, kita akan ada liga itu tahun depan dan setakat ini ia berada di landasan tepat. Mengikut perbincangan dengan FIFA minimum pasukan yang ditetapkan bagi liga itu adalah lapan pasukan, tapi melihat maklum balas kita mungkin dapat lebih.

"Memang ada yang masih 'main tarik tali', tapi petanda positif tetap ada. Walaupun ada yang tidak boleh menghantar dua pasukan, mereka masih berminat menghantar sekurang-kurangnya satu," katanya.





TENGGU Abdullah (kanan) melihat model ibu pejabat Persekutuan Bolasepak ASEAN (AFF) pada upacara pecah tanah di Putrajaya semalam.

HAMPA SIKIT...

■ Isu kain rentang tak jejas semangat Tengku Abdullah terus pimpin FAM

Putrajaya

Penghinaan dilakukan segelintir penyokong Johor Darul Ta'zim (Johor DT) terhadap Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) menerusi insiden kain rentang manusia berkepala anjing pada aksi Piala Sumbangsih Sabtu lalu mencetuskan rasa hampa Presiden Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah.

Bagaimanapun kontroversi itu tidak menjejaskan semangat beliau untuk terus memimpin FAM dan sebaliknya bersikap tenang apabila tidak mahu isu berkenaan diperbe-sarkan.

"Hampa sikit. Saya tidak perlu komen hal ini sebab ramai sudah memberi kenyataan mengenai hal ini. Saya simpan dalam hati," katanya.

Insiden panas itu berlaku di Stadium Tan Sri Hassan Yunus, Larkin minggu lalu apabila kain rentang yang mempunyai imej manusia berkepala anjing memakai kot FAM dipamerkan penyokong Johor DT sebelum perlawanan antara tuan rumah dan Pahang.

Tindakan itu difahamkan sebagai protes terhadap kepimpinan FAM menguruskan beberapa isu, namun ramai pihak menganggap tindakan itu melampaui batas

dan biadab.

FAM sudah menghantar surat tunjuk sebab kepada Persatuan Bolasepak Negeri Johor (PBNJ) untuk memberikan penjelasan.

Tengku Abdullah yang hadir merasmikan majlis pecah tanah ibu pejabat baru Persekutuan Bolasepak ASEAN (AFF) di Putrajaya semalam berharap semua pihak lebih menumpukan kepada usaha meningkatkan kualiti bola sepak tanah air daripada hal dianggap tidak bermanfaat.

"Mari kita bergerak ke depan. Saya harap semua pihak fikir mengenai kualiti bola sepak di dalam padang dan bukan di luar. Saya tak nak pan-

jangkan isu ini kerana tidak mendatangkan manfaat," katanya.

Beliau berharap bangunan ibu pejabat baru AFF di Presint 5, Putrajaya yang dijangka siap pada 2017 itu menjadi hub kecemerlangan bola sepak apabila mereka juga merancang membina pejabat baru FAM dan Konfederasi Bolasepak Asia (AFC) di sana.

"Masih dalam perancangan, pindah tak pindah belum tahu lagi. Saya harap kawasan ini menjadi pusat kecemerlangan bola sepak kerana masalah dalam kalangan negara Asia Tenggara sukar untuk menganjurkan kejohanan peringkat remaja kerana ketiadaan penaja.

"Bila ada kemudahan di sini, kita boleh jimatkan duit dalam menganjurkan kejohanan," katanya.

METRO (M/S) 83
6 FEBRUARI 2015

Tarik belia dekati masjid

METRO ~~AKHAB~~ (M/S) ...!!6 FEBRUARI
2015

Putrajaya: Kira-kira 800 jemaah menghadiri Program Malam Zikir Cintai Rasulullah di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin (MTMZA), Presint 3, di sini, baru-baru ini.

Program yang berlangsung selepas solat Maghrib mengandungi pelbagai pengisian berbentuk keagamaan termasuk bacaan al-Quran, zikir serta marhaban oleh Kumpulan Shoutul Mizan.

Pegawai Perhubungan Awam MTMZA Hamdan Muhammad berkata, program pertama kali diadakan mendapat sambutan menggalakkan daripada jemaah khususnya penduduk di sekitar Putrajaya.

Menurutnya, program itu diadakan bagi mendekatkan rasa kecintaan umat Islam kepada Nabi Muhammad serta menghayati perjuangan baginda dalam menegakkan syiar Islam.

“Selain itu, pihak masjid mengadakan program ini sebagai satu daripada usaha menarik golongan belia supaya dekat dengan masjid sekali gus terbabit dengan aktiviti yang diadakan.

“Pada masa sama, kita dapat mencungkil bakat golongan muda memandangkan terdapat juga aktiviti lain dianjurkan pihak masjid yang sesuai dengan mereka,” katanya.

Pemain sambut baik BAM naikkan elaun

KOSMO (M/S/60...)

6 FEBRUARI 2015

PEMAIN beregu wanita negara, Soong Fie Cho ternyata gembira dengan pengumuman yang dibuat oleh Persatuan Badminton Malaysia (BAM) yang menaikkan elaun antara 50 hingga 100 peratus bagi tujuan menjaga kebajikan setiap pemain.

Menurut Fie Cho, kenaikan elaun tersebut berupaya meningkatkan moral setiap pemain untuk berusaha lebih keras memburu kejayaan bagi mengharumkan nama negara di pentas antarabangsa.

“Sudah tentu saya dan semua pemain lain menyambut baik perkara ini kerana ia boleh memberi suntikan moral un-

tuk kami terus berusaha keras dalam setiap aksi. Anggaran minimum elaun yang kami terima hanya berjumlah kira-kira RM2,500 sebulan, jadi sudah tentu penambahan elaun ini membantu kami meneruskan kehidupan dengan lebih selesa.

“Sebenarnya kami sudah lama menunggu pengumuman ini daripada BAM, oleh yang demikian saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada BAM dan berjanji akan berjuang habis-habisan dalam setiap aksi yang disertai,” katanya ketika ditemui di Arena Of Star, Genting

Highlands semalam.

Kelmarin *Kosmo!* melaporkan, BAM telah bersetuju untuk menaikkan elaun para pemain berkuat kuasa 1 Januari lalu selepas ia dipersetujui oleh Ahli Majlis BAM pada satu mesyuarat yang diadakan kelmarin.

Secara keseluruhan, setiap pemain yang berada dalam senarai 10 pemain terbaik dunia berpeluang meraih pendapatan melebihi RM100,000 setahun dan sekiranya berjaya meningkatkan ranking, elaun mereka secara tidak langsung akan turut bertambah.

Azizulhasni raih emas mudah di ACC

KUALA LUMPUR - 'The Pocket Rocket Man' Mohd. Azizulhasni Awang meraih pingat emas paling mudah sepanjang kariernya dalam acara keirin di Kejohanan Lumba Basikal Asia (ACC) 2015 di Korat, Thailand semalam.

Pelumba sensasi itu pada awalnya dihipit dua nama besar dari Jepun iaitu Kazunari Watanabe dan Yuta Wakimoto, namun akhirnya Azizulhasni mengesahkan kemenangan hampir 50 meter menuju ke garisan penamat.

Pada 50 meter terakhir itu juga, Worayut Kapunya dari Thailand memintas Watanabe dan memperoleh gangsa manakala Wakimoto mendapat perak.

Kemenangan mudah tersebut menutup babak duka yang dialami oleh Azizulhasni setelah penyertaannya dalam acara final keirin di Sukan Asia 2014 di Incheon, Korea Selatan dibatalkan sekali pun pada masa itu dia sudah mengesahkan pingat.

Paling menarik, kemenangan semalam turut menghadiahkan rasa ceria buat rakan sepasukan Josiah Ng walaupun gagal melangkah ke acara final keirin.

Meskipun tampil pada penyertaan terakhirnya pada ACC 2015 sejak mula melangkah ke persada ACC pada 1999, Josiah meraih tempat kelapan selepas terkandas pada pusingan kedua.

"Inilah kemenangan paling



MOHD. AZIZULHASNI AWANG

mudah pernah saya capai sepanjang menyertai acara keirin dalam Kejohanan Lumba Basikal Asia. Saya tak tahu apa yang berlaku kepada dua pelumba Jepun.

"Apa yang jelas mereka lang-

sung tak mampu untuk memberikan sebarang asakan kepada saya sehingga ke garisan penamat," kata pelumba kelahiran Terengganu itu dalam satu kenyataan di sini semalam.

Dalam pada itu, satu lagi nama besar dalam basikal trek Malaysia, Fatehah Mustapha turut melakar kejayaan apabila meraih pingat perak menerusi acara 500 meter ujian masa.

Fatehah merakam masa 35.664 saat sekali gus menyaksikan dia memperbaiki dua pencapaian peribadi pada satu masa.

"Inilah kali pertama saya meraih pingat perak menerusi acara 500 meter ujian masa. Selama ini saya hanya mampu meraih pingat gangsa. Pada masa yang sama, saya turut memperbaiki catatan peribadi di gelanggang luar," katanya.

Acara tersebut dimenangi oleh pelumba bertaraf dunia dari Hong Kong, Lee Wai Sze yang mencatat masa 35.017s manakala pingat gangsa diraih pelumba Jepun, Kayono Maeda.

Hari ceria berterusan buat kem Malaysia apabila Mohamad Shariz Efendi Mohd. Shahrin menggondol pingat gangsa menerusi acara keirin junior.

Acara tersebut dimenangi oleh pelumba Taiwan, Kang Shih Feng dan pingat perak pula jadi milik Oh Je Seok dari Korea Selatan.